

**"Surat sudah dihantar seminggu selepas Zaidatul melakukan catatan itu tapi mereka masih lagi mendiamkan diri**

Karim Ibrahim

19-06-2017

arena

61

HARIAN METRO

**KOM berdepan pengesahan rekod baru kebangsaan acara 100 meter wanita**

Aida Adilah Mat

aida\_adilah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**esatuan Olahraga Malaysia (KOM) se kali lagi dilanda kontroversi apabila berdepan masalah pengesahan rekod kebangsaan membabitkan acara 100 meter wanita.

Episod sama yang pernah terjadi kepada Badrul Hisyam Manap dalam acara 100m dua tahun lalu kini berulang.

Semalam KOM mengesahkan rekod kebangsaan yang dicipta oleh Olimpian negara Zaidatul Husniah Zulkifli di Afrika Selatan Mac lalu tidak diiktiraf hingga pengarjuran memberi dokumen pengesahan.

Atlet dari Alor Setar itu mencatat kepentasan 11.45 saat pada Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein, Afrika Selatan, memadamkan rekod lama 11.50s milik G Shanti yang dilakukannya pada aksi Pra-Sukan SEA di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

Namun perkara itu kini



## Kontroversi lagi!

ZAI DATUL (kiri) catat 11.45 saat di Afrika Selatan.

menjadi persoalan apabila Presiden KOM, Datuk Karim Ibrahim, memaklumkan hingga kini tiada sebarang pengesahan diterima daripada pengarjur kejohanan.

"Untuk pengesahan rekod, kami perlukan bukti. Tapi hingga kini masih belum ada

sebarang maklum balas diterima.

"Surat sudah dihantar seminggu selepas Zaidatul melakukan catatan itu tapi mereka masih lagi mendiamkan diri."

"Bagi mengesahkan sebarang rekod, butiran terperinci diperlukan kerana ia bu-

kan perkara main-main," katanya pada mesyuarat jawatankuasa pemilihan dan kejurulatihan KOM di Wisma Majlis Olimpik Malaysia (MOM), semalam.

Mengukuhkan perkara itu, Karim memaklumkan catatan Husniah 11.45s itu juga tidak berada dalam senarai

ranking Persekutuan Olahraga Amatur Antarabangsa (IAAF).

Selain Zaidatul pelari 400m, Azam Masri turut sama terkena tempias apabila catatan terbaik peribadi dalam acara 100m, 10.22s juga tidak diiktiraf kerana salah teknikal.